

YB. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG DIANUGERAH GELARAN TIMBALAN PESURUHJAYA BOMBA KEHORMAT

KUANTAN, 19 FEBRUARI 2024 : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menganugerahkan pangkat kehormat dengan gelaran Timbalan Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli Haji Yaacob.

Majlis pemakaian pangkat kehormat berkenaan diadakan di Bilik Gerakan Negeri Ibu Pejabat JBPM Negeri Pahang yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS. Ts. Nor Hisham Mohammad.

Turut dianugerahkan pangkat kehormat dengan gelaran Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) adalah Setiausaha Sulit Khas Sultan Pahang, YH. Tok Aria Rakna Ahmad Norbadelin Abdul Murad.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), YH. Dato' Ahmad Hairi Hussain dianugerahkan pangkat kehormat dengan gelaran Penolong Pesuruhjaya Bomba (Kehormat).

Penganugerahan pangkat ini adalah sebagai penghargaan terhadap sumbangan dan inisiatif para penerima dalam membangunkan Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai sebuah organisasi yang berprestasi tinggi.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pahang, YS. Dato' Ir. Ts. Dr. Haji Wan Mohammad Zaidi Wan Isa dan pegawai-pegawai bomba Negeri Pahang. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Ain Nadhirah Basha

Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi

(LIPUTAN BERGAMBAR)





